

PENGUBAHSUAIAN BELANJAWAN 2016 MENGHADAPI REALITI EKONOMI SEMASA

Pada 28 Januari lalu, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, mengumumkan semakan semula atau pengubahsuaian Belanjawan 2016. Selepas melakukan semakan semula untuk Belanjawan 2015 pada 20 Januari tahun lalu, sekali lagi buat tahun kedua berturut-turut, langkah yang sama diambil bagi menghadapi realiti ekonomi semasa.

ROHAMI SHAFIE

Penyarah Kanan Perakaunan, Pusat Pengajian Perakaunan (SOA)
Kolej Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia



PENGUBAHSUAIAN Belanjawan 2016 perlu dilakukan kerana ketidaktentuan ekonomi global sedikit banyak memberikan impak terhadap ekonomi Malaysia. Hal ini membuktikan bahawa faktor ekonomi global bukanlah disebabkan oleh faktor domestik yang dimomokkan oleh pihak tertentu.

Buktinya, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan, iaitu 3.4 peratus, berbanding dengan jangkaan awal 3.6 peratus. Hal ini berasaskan data ekonomi semasa yang memberikan petanda bahawa ketidaktentuan ekonomi global disebabkan oleh faktor domestik yang dimomokkan oleh pihak tertentu.

Ternyata angka tersebut mengundang risiko ekonomi yang agak suram pada peringkat ekonomi, perdagangan dan kewangan antarabangsa. Kesannya sudah mula kelihatan sejak tahun lalu apabila nilai ringgit Malaysia (RM) begitu lemah berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS\$). Seharian sebelum pengumuman pengubahsuaian Belanjawan 2016, kadar RM berada pada paras 4.250 berbanding dengan AS\$1.

Harga minyak mentah Dated Brent turut berada pada paras AS\$31 setong. Jumlah tersebut jauh lebih rendah berbanding dengan jangkaan AS\$48, iaitu semasa pembentangan Belanjawan 2016. Penurunan harga minyak global memberikan gambaran bahawa pendapatan kerajaan melalui sumber dividen yang dibayar oleh syarikat minyak negara, Petronas, juga terjejas. Hal ini mendorong kerajaan melakukan pengubahsuaian Belanjawan 2016.

Sudah tentulah pengumuman pengubahsuaian Belanjawan 2016 pada bulan Januari lalu tepat pada masanya kerana tahun 2016 baru sahaja bermula. Jika pengubahsuaian Belanjawan 2016 dilakukan semasa suku kedua tahun ini, maka kesan positifnya pasti tidak jelas kelihatan. Hal ini dikatakan demikian kerana sebarang kelewatan pengumuman pengubahsuaian Belanjawan 2016 akan mengundang risiko kerajaan untuk bersiap siaga menghadapi cabaran ekonomi tahun ini.

Pada tahun lalu, pengubahsuaian Belanjawan 2015 yang dilakukan pada Januari 2015 diyakini membuahkan hasil apabila negara dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak lima peratus dan defisit fiskal kekal rendah pada kadar 3.2 peratus untuk tahun 2015, sebagaimana yang disasarkan ketika pengubahsuaian Belanjawan 2015.

Tindakan proaktif kerajaan dengan menyemak semula Belanjawan 2015 merupakan keputusan yang dapat melindungi kebajikan rakyat dan pada masa yang sama, dapat mempertahankan ekonomi negara. Dalam hal ini, kerajaan sekali lagi mengambil tindakan yang sama, yang sudah tentu merupakan satu lagi tindakan proaktif bagi membolehkan ekonomi negara terus mencatatkan pertumbuhan dan mengutamakan kepentingan rakyat.

Pengumuman pengubahsuaian Belanjawan 2016 bukanlah bermaksud bahawa Malaysia berada dalam krisis ekonomi. Jauh sekali, ekonomi negara berada dalam keadaan parah

INTI PATI PENGUBAHSUAIAN BELANJAWAN 2016


11 Penstrukturan dan Pengubahsuaian

Potongan caruman KWSM

3%

Terhad kepada pembeli rumah pertama sahaja

RM300 ribu



Biayaan kepada PKS dan syarikat permulaan

RM50

setiap 1 tan metrik padi bersih

Pembangunan Fasiliti

10 UTC

akan dibina

55%

Kadar hutang negara akan terus berkurang

MRT dan LRT, Lebuhraya Pan-Borneo, Malaysian Vision Valley, Cyber City Center, RAPID Pengedaran dan kereta api laju

RM5 bilion

Peruntukan pembiayaan PTPTN

Pelaksanaan satu kenaikan amaran kepada penjawat awam

Program BR1M dan kebajikan akan terus dilaksanakan dan dinikmati rakyat

Pelancongan dari China tidak perlu visa untuk memasuki Malaysia bagi tempoh lawatan tidak melebihi 15 hari

sebagaimana yang pernah direkodkan ketika negara dilanda krisis kewangan Asia pada tahun 1997/98. Pada ketika itu, keluaran dalam negara kasar (KDNK) berada pada kadar negatif, iaitu 7.4 peratus, indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) serendah 260 mata, manakala kadar RM menghampiri RM5 bagi setiap AS\$. Kesan tersebut mengakibatkan banyak rakyat Malaysia yang kehilangan kerja, syarikat yang disenaraikan di BSKL mufli, pelajar cemerlang dan terbaik tidak dapat meneruskan pengajian di luar negara, dan rizab antarabangsa berada pada paras yang amat rendah, iaitu RM59 bilion.

Pada ketika itu, kerajaan terpaksa melakukan tindakan drastik dengan melaksanakan kawalan modal dengan membat mata wang RM berbanding dengan AS\$ dan menstrukturkan semula institusi perbankan serta sektor swasta yang cukup terjejas. Kerajaan turut mengumumkan pakej rangsangan berjumlah RM7 bilion yang menyebabkan

defisit fiskal negara meningkat begitu tinggi. Keadaan yang sama juga berlaku ketika krisis subprima melanda Amerika Syarikat (AS) pada tahun 2008. Kerajaan mengumumkan dua pakej rangsangan berjumlah RM67 bilion bagi merancakkan ekonomi negara.

Situasi yang berbeza sama sekali berlaku pada tahun 2015 dan 2016, apabila harga minyak global berada pada paras terendah. Dalam konteks ini, kerajaan tidak mengumumkan sebarang pakej rangsangan. Sebarang pengumuman pakej rangsangan sudah tentu dapat meningkatkan defisit fiskal negara walhal kerajaan menyasarkan defisit fiskal yang rendah pada tahun mendatang.

Tambahan lagi, kerajaan menyasarkan belanjawan berimbang menjelang tahun 2020. Oleh itu, pengubahsuaian Belanjawan 2016 sewajarnya mencerminkan iltizam kerajaan untuk memperkuatkan kedudukan kewangan dan ekonomi Malaysia ketika dunia dilanda ketidaktentuan ekonomi

global. Dalam hal ini, kerajaan mengumumkan sebanyak 11 langkah dalam pengubahsuaian Belanjawan 2016.

Langkah pertama melibatkan pengurangan potongan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi caruman pekerja sebanyak tiga peratus yang bermula pada Januari 2016 hingga Disember 2017. Langkah yang diumumkan ini merupakan strategi awal kerajaan untuk merencanakan ekonomi domestik negara. Kadar caruman yang lebih rendah ternyata dapat meningkatkan jumlah wang untuk dibelanjakan oleh pekerja. Dengan kata mudah, pengguna kini memiliki wang yang lebih banyak dan secara tidak langsung, meningkatkan lagi kuasa beli mereka untuk berbelanja. Langkah ini akan memperkuatkan perbelanjaan swasta sehingga RM8 bilion dan memberikan kesan rantaian yang positif kepada sektor perniagaan, iaitu produk perniagaan tetap dibeli oleh pengguna meskipun ketika kos sara hidup rakyat semakin tinggi.

Sebelum ini, kerajaan melaksanakan langkah yang sama dan hasilnya sektor domestik kekal kukuh dan menjadi sektor utama negara sejak beberapa tahun belakangan ini. Ekonomi negara kini bergantung pada sektor domestik berbanding dengan pelaburan langsung asing (FDI) yang merupakan antara penyumbang besar ekonomi negara pada dekad 1990-an. Perubahan struktur ekonomi Malaysia kepada sektor domestik berbanding dengan FDI memerlukan sokongan yang tinggi daripada perbelanjaan swasta dalam kalangan rakyat Malaysia.

Selain menurunkan kadar caruman KWSP pekerja bagi meningkatkan perbelanjaan pengguna, kerajaan juga bersetuju memberikan pelepasan khas cukai sebanyak RM2000 kepada pembayar cukai individu yang berpendapatan RM8000 sebulan ke bawah. Sekali lagi, langkah kedua tersebut membantu melonjakkan kuasa beli rakyat berpendapatan sederhana dan rendah dalam berbelanja. Pada masa yang sama, usaha tersebut membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup mereka. Sebanyak dua juta orang pembayar cukai bakal akan mendapat manfaat yang diumumkan oleh kerajaan menerusi langkah kedua pengubahsuaian Belanjawan 2016.

Tidak cukup dengan langkah pertama dan kedua, kerajaan turut mengambil langkah seterusnya dengan mengurangkan kos harga barangan keperluan harian rakyat, iaitu dengan meliberalisasikan kawalan kuota import bagi lapan produk pertanian yang dikategorikan sebagai produk rakyat Malaysia, seperti daging lembu dan kambing. Usaha meliberalisasikan kawalan kuota import diyakini akan menyebabkan harga produk pertanian lebih rendah. Hal ini sekali gus mengurangkan kos perbelanjaan barangan keperluan rakyat Malaysia.

Kerajaan juga bakal membuka MyFarm Outlet menerusi agensi pertaniannya, iaitu FAMA, dengan menjual produk MyFarm Outlet lebih murah sebanyak lima hingga 20 peratus daripada harga pasaran. Sebagai

permulaan, MyFarm Outlet akan dibuka di Presint 7 Putrajaya dan jumlah MyFarm Outlet akan ditingkatkan sebanyak 10 buah lagi pada tahun ini. Langkah ketiga dalam pengubahsuaian Belanjawan 2016 juga mencukupi strategi memperbanyak kedai harga patut daripada 640 buah pada masa ini kepada 1000 buah pada akhir tahun ini.

Sejak belakangan ini, kedai harga patut banyak membantu mengurangkan beban perbelanjaan pengguna. Oleh itu, langkah meningkatkan lagi jumlah kedai harga patut oleh kerajaan tepat pada waktunya untuk membela nasib rakyat Malaysia yang berpendapatan sederhana dan ke bawah.

Bagi golongan pesawah, kerajaan turut bersetuju membayar sebanyak RM50 tambahan insentif input pengeluaran padi bagi setiap tan padi bersih yang dikeluarkan oleh mereka. Strategi tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan lagi pendapatan pesawah, tetapi turut menjadi mangkin kepada mereka untuk meningkatkan lagi produktiviti mereka menerusi peningkatan pengeluaran padi.

Bagi membantu golongan miskin tegar pula, program MyBeras juga diperkenalkan dalam inti pati pengubahsuaian Belanjawan 2016. Keluarga miskin tegar akan dibekalkan dengan 20 kilogram beras pada setiap bulan sehingga penghujung tahun 2016. Hal ini merupakan langkah awal bagi membantu golongan miskin tegar untuk mendapatkan barangan keperluan makanan.

Langkah seterusnya melibatkan aspek perumahan rakyat yang merupakan antara aspek paling utama yang dekat di hati rakyat Malaysia, selain pengurangan kos sara hidup. Dalam pengubahsuaian Belanjawan 2016, kerajaan menunjukkan keprihatinan terhadap rakyat Malaysia yang masih gagal memiliki rumah. Menerusi langkah keempat ini, kerajaan memperkenalkan syarat baharu, iaitu rumah berharga RM3000 ribu ke bawah hanya terhad kepada pembeli rumah pertama sahaja. Langkah tersebut dipercayai dapat membendung aktiviti spekulasi dalam kalangan rakyat Malaysia yang berpendapatan tinggi.

Kerajaan turut mengumumkan Jelajah Ekspo Pemilihan Rumah Bersedap yang menawarkan lebih daripada 100 ribu unit rumah kepada rakyat Malaysia. Tidak cukup dengan itu, bagi projek Perumahan Rakyat yang berharga RM35 ribu, manfaat yang diterima daripada pengubahsuaian Belanjawan 2016 melibatkan aspek pembiayaan yang cukup rendah, iaitu pada kadar empat peratus yang dikenakan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat. Oleh itu, sebanyak RM400 juta disalurkan oleh kerajaan dengan jangkaan lebih daripada 10 ribu pemilik rumah akan mendapat manfaat daripadanya.

Bagi langkah kelima pula, sumbangan sebanyak 30 peratus daripada levi Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), iaitu berjumlah RM200 juta, akan digunakan untuk

meningkatkan kecekapan dan kemahiran pekerja. Jumlah tersebut bakal membantu pekerja untuk lebih berdaya saing menerusi peningkatan kemahiran tinggi yang amat diperlukan oleh industri.

Kerajaan juga meneruskan usaha melipatgandakan kutipan hasil melalui cukai. Hal ini cukup penting kerana sumber pendapatan daripada cukai akan digunakan untuk membiayai usaha kerajaan membela kebajikan rakyat dan pekerja. Usaha meningkatkan kutipan hasil melibatkan pematuhan dan pengauditan terhadap pengelak cukai dan melonggarkan penalti untuk menggalakkan pembayar cukai melaporkan pendapatan mereka bagi tahun ke belakang. Sementara itu, tunggakan cukai bagi pembayar cukai pula perlu dibayar sepenuhnya sebelum penghujung tahun 2016 agar tiada lagi cukai tidak dibayar oleh mereka.

Bagi mengurangkan kehilangan hasil daripada penjualan rokok dan minuman keras di pulau bebas cukai, cukai bagi kedua-dua produk tersebut dihadkan hanya untuk kedai bebas cukai yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Untuk memastikan kerajaan tidak kehilangan hasil daripada pendapatan cukai, penguatkuasaan pengecualian cukai bagi kenderaan import di pulau bebas cukai juga diperketat.

Dalam aspek memperkemas sistem pengurusan pekerja asing, kadar levi menjadi pendebatan dalam kalangan pemain industri, iaitu mereka yang terkesan dengan pengumuman kerajaan untuk mengklusterkannya kepada dua kategori. Hal ini dipercayai membantu peningkatan perbelanjaan terhadap pekerja asing. Impaknya, kos pembinaan juga akan meningkat sekali gus meningkatkan harga rumah yang secara tidak langsung memberikan kesan negatif terhadap keuntungan syarikat pembinaan ekoran kerana penjualan rumah yang dijangka menurun. Meskipun segelintir sektor industri tidak menyokong pengumuman kerajaan tersebut, usaha tersebut dilihat dapat meningkatkan lagi sistem pengurusan pekerja asing. Untuk meneruskan usaha ini, kerajaan mengumumkan program pengajian dan penempatan semula pendatang asing tanpa izin (PATI) agar mereka dapat bekerja secara sah di Malaysia.

Dalam aspek pengurusan kewangan kerajaan, kerajaan bertekad untuk melaksanakan perbelanjaan dengan lebih berhemat, terutamanya yang melibatkan aspek pembekalan dan perkhidmatan, meneruskan usaha merasionalisasikan pemberian geran kepada Tabung Amanah Kerajaan, Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Tidak cukup dengan itu, kerajaan juga akan merasionalisasikan dan menyusun semula entitinya, termasuklah badan berkanun. Usaha ini bagi memastikan setiap sen wang rakyat digunakan sebaik-baik mungkin tanpa adanya pembaziran dan ketirisan.

Bagi meneruskan agenda mendahulukan kepentingan rakyat sebagaimana yang termaktub dalam gagasan 1Malaysia, kerajaan meletakkan keutamaan terhadap projek

fizikal dan bukan fizikal. Hal ini merangkumi projek fizikal, seperti rumah mampu milik, hospital, sekolah, jalan raya, dan pengangkutan awam serta keselamatan. Sementara itu, projek bukan fizikal dan masih pada peringkat kajian akan dijadualkan semula. Langkah kesembilan yang diambil oleh kerajaan ini mampu mengurangkan komitmen kerajaan terhadap aliran tunai sebanyak RM5 bilion.

Dua langkah terakhir yang diumumkan dalam pengubahsuaian Belanjawan 2016 mencukupi aspek pembiayaan sektor swasta dan kebijakan pekerja swasta serta GLC. Bagi langkah ke-10, dana pembiayaan sebanyak RM6 bilion untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat permulaan akan ditambah oleh institusi kewangan pembangunan, dan dana modal teroka milik kerajaan. Usaha ini bagi membantu memudahkan PKS dan syarikat permulaan untuk mendapatkan sumber pembiayaan bagi meneruskan aktiviti perniagaan mereka ketika berlaku ketidakpastian ekonomi global.

Bagi aspek membela kebajikan pekerja swasta dan GLC, sebagaimana yang diumumkan dalam langkah ke-11 pengubahsuaian Belanjawan 2016, kerajaan akan mengandakan usaha untuk mengurangkan jurang pendapatan yang cukup tinggi dalam kalangan pengurusan atasan dan pekerja bawahan di sektor swasta dan GLC. Langkah tersebut sudah tentu mengembarakan pekerja sektor tersebut, terutamanya pekerja bawahan yang selama ini menikmati gaji yang cukup rendah berbanding dengan pengurusan atasan mereka. Pelaksanaan langkah tersebut akan membantu merealisasikan rakyat yang memperoleh pendapatan yang saksama dan membantu melonjakkan pendapatan majoriti pekerja yang kini menghadapi tekanan kos sara hidup yang cukup tinggi.

Secara keseluruhannya, teras pengubahsuaian Belanjawan 2016 adalah untuk membela nasib rakyat dan pada masa yang sama, menggiatkan usaha untuk merencanakan ekonomi syarikat dan ekonomi domestik agar kesan negatif daripada ketidakpastian ekonomi global dapat diminimumkan. Lantaran itu, kerajaan mengharap kerja sama semua pihak agar pelaksanaan Belanjawan 2016 yang diubahsuai dapat menepati objektif kerajaan mencapai defisit fiskal sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2016.

Dalam usaha menjaga kebajikan pekerja sektor awam, kerajaan tidak sama sekali merancang untuk membuat sebarang potongan gaji dan elaun seperti yang diuar-uarkan. Kerajaan akan tetap meneruskan agenda untuk menaikkan gaji pekerja sektor awam pada pertengahan tahun 2016 sebagaimana yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2016 pada Oktober lalu. Menerusi perancangan rapi oleh kerajaan, dijangkakan pertumbuhan ekonomi negara akan mampu kekal dalam lingkungan empat hingga 4.5 peratus pada tahun ini seiring dengan 11 langkah proaktif yang diumumkan oleh kerajaan dalam pengubahsuaian Belanjawan 2016. ■